

BN perlu banteras perkembangan ini: PM

'Hindarkan perkembangan' perkauman'

BH 25 MAR 1985

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini, beliau tidak mahu melihat sesiapa pun, termasuk parti anggota Barisan Nasional, membuat kenyataan yang boleh menimbulkan isu perkauman, cauvinistik dan pelampau di kalangan rakyat negara ini.

Serentak itu Perdana Menteri mengarahkan anggota BN menentukan tanggungjawab masing-masing untuk membanteras dan menghalang perkembangan yang tidak sihat itu.

Katanya, jika ada masalah yang membabitkan kaum, bangsa dan agama, ia perlu diselesaikan secara rundingan dan bukan membuat kenyataan balas yang boleh mencetuskan isu perkauman.

Beliau membuat pesanan itu dalam

KUALA LUMPUR, Ahad

mesyuarat Dewan Tertinggi BN selama dua setengah jam yang dihadiri oleh tiga orang wakil masing-masing daripada 11 parti anggota BN di ibu pejabatnya di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sidang hari ini memandangkan berat kecenderungan yang boleh mencetuskan isu cauvinistik, perkauman dan pelampau di negara ini.

"Kita telah menentukan tugas yang perlu dimainkan oleh BN untuk membanteras dan menghalang kecenderungan ini. Mereka tidak seharusnya menyerahkan tugas ini semata-mata kepada kerajaan," tambahnya kepada para pemberita selepas mempengerusikan sidang itu.

Beliau juga kesal dengan sikap setengah akhbar yang memperbesar-besarkan laporan yang boleh menyebarkan perkauman. Beliau menyifatkan akhbar ini sebagai dalang yang menyebarkan isu perkauman.

"Isu-isu seperti Bukit China, Papan, limau mandarin, Proton Saga diperbesar-besarkan menjadi isu perkauman. Sebenarnya semua isu ini boleh diselesaikan, tapi disebabkan ia telah dijadikan isu perkauman, semua orang mengambil kesempatan, terutama parti pembangkang.

"Isu perkauman ini dipaparkan dalam segala bentuk hingakan penderaan kereta Nasional Proton Saga juga dijadikan isu perkauman. Selagi perkara ini berlaku, usaha menyatukan rakyat akan menjadi lebih sukar", ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi amaran kerajaan akan memikirkan semula sikap liberalnya terhadap kebebasan akhbar jika akhbar-akhbar menyalahgunakan tanggungjawab yang diberikan.

"Ada tanda-tanda bahawa sikap liberal kerajaan itu tidak dihargai oleh mereka yang menyalahgunakan kebebasan.

Liberal

"Apabila saya menjadi Perdana Menteri, salah satu perkara yang ingin saya lakukan ialah bersi-

kap liberal dengan akhbar. Itulah sebabnya kerajaan mengeluarkan banyak permit penerbitan dalam tempoh tiga tahun lalu. Tapi sikap ini tidak dihargai," ujarnya.

Katanya, semua akhbar di seluruh dunia dikawal sama ada oleh kerajaan, pemiliknya, kesatuan sekerja atau pengarang. Tidak ada kebebasan akhbar di dunia ini.

Sebagai contoh, beliau berkata, "Saya ingin menyalahgunakan sesuatu di sebuah majalah. Tetapi mereka tidak mencetak sebagaimana yang saya katakan. Kepada mereka itu ialah kebebasan akhbar," katanya.

"Saya merayu kepada akhbar supaya membantu kerajaan. Anggaplah ia sebagai satu tanggungjawab terhadap negara kerana selain daripada melariskan penjualan, ada perkara yang lebih besar perlu difikirkan," katanya.